

**PESERTA**  
My  
Moments  
iM4U  
menjayaikan  
program  
berjalan  
malam atau  
*nightwalk*  
di Tasik  
Kenyir,  
baru-baru  
ini.



## Sambutan berbeza Earth Hour di Tasik Kenyir



**L**AZIMNYA kempen Earth Hour yang bertujuan mengajak masyarakat dunia melindungi bumi melibatkan acara bergelap atau menutup lampu. Namun bagi 24 peserta My Moments 1Malaysia For Youth (iM4U) mereka mempunyai cara lain meraka kempen itu di Tasik Kenyir, Terengganu baru-baru ini.

Selain menyalaikan liliin, mereka yang terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Lembah Klang dan pantai timur itu mengadakan program berjalan malam atau *nightwalk* tanpa menggunakan lampu suluh dan menghayati kehidupan haiwan di waktu malam.

Pengarah Program My Moments iM4U, Mohd. Azizan Mohd. Yusof berkata, semua peserta tersebut merupakan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Politeknik Shah Alam), Kolej Komuniti Selayang, Universiti Cyberjaya, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Antarabangsa FTMS.

Katanya, aktiviti yang diadakan di sekitar Lake Kenyir Resort Taman Negara itu berlangsung selama sejam bermula pukul 8.30.

"Kebiasaan kita di bandar, kita akan melihat kebanyakan kediaman serta pejabat akan mematikan lampu dan peralatan elektrik selama sejam sebagai tanda sokongan dan kesedaran ke atas perubahan iklim.

"Namun di kawasan Taman Negara yang dikelilingi hutan belantara, suasannya berbeza berbanding di bandar. Oleh itu, kami mencari idea lain untuk menyokong kempen ini," katanya kepada .com.

**PESERTA** program My Moments iM4U hanya menggunakan liliin ketika sambutan kempen Earth Hour di Tasik Kenyir baru-baru ini.

Sementara itu, pelajar Kolej Antarabangsa FTMS, Muhammad Iskandar Jefri, 19 berkata, sambutan Earth Hour di Tasik Kenyir sangat berbeza berbanding di kampus, rumah ataupun pejabat.

"Sambutan di sini memberi makna yang lebih mendalam.

"Sepanjang sejam menikmati pengisian aktiviti, baru saya sedar bahawa besarnya kesalahan manusia selama ini sehingga menyebabkan ekosistem bumi seperti tumbuhan dan haiwan terganggu sehingga menyebabkan perubahan iklim dan cuaca yang tidak dapat dijangka akibat kesalahan kita sendiri," katanya.

Pelajar Fakulti Perniagaan Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Rizal Zulkifli Poh, 23 pula berpendapat, menjadi ahli sukarelawan iM4U banyak menyedarkan dirinya bahawa tanggungjawab sebagai seorang sukarelawan itu bukanlah sekadar membantu diri sendiri dan masyarakat sekeliling tetapi juga alam sekitar.

"Sebagai penyambung generasi akan datang, remaja perlu menanam rasa kasih sayang terhadap bumi dengan menggunakan tenaga elektrik secara berhemah kerana sebarang pembaziran atau penggunaan yang kurang

efisien menyebabkan kita dihukum semula oleh alam seperti perubahan iklim secara mendadak di seluruh dunia.

"Selain itu, tidak semestinya, sambutan Earth Hour perlu dilakukan seperti memadamkan elektrik di kediaman atau bangunan selama sejam tetapi ia juga boleh diubah dengan idea berbeza seperti ini kerana tujuan yang ingin dicapainya tetap sama," katanya.

- DHIYA ZULHILMI DAUD/MOHD. NAJIB



MOHD. AZIZAN



ISKANDAR



RIZAL ZULKIFLI